

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 10 JULAI 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 29

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1532-L25685

Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan garis panduan untuk membenarkan pemandu OKU dengan lesen A/A1 untuk bekerja sebagai pemandu e-hailing, dan rancangan Kerajaan untuk mengubah garis panduan bagi membenarkan pemandu OKU untuk mendapatkan lesen PSV.

2. PR-1532-L25679

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :

- (a) mekanisme pelaksanaan dasar penyasaran minyak di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) bagi membolehkan orang ramai, peniaga kecil dan penjaja menikmati subsidi bersasar; dan
- (b) jaminan Kerajaan bahawa penyasaran minyak ini tidak memberi kesan kepada rangkaian ekonomi keseluruhannya yang boleh mendorong melonjakkan lagi harga barang dengan kesannya rakyat terbanyak terutama golongan M40 dan B40.

3. PR-1532-L25908

Dato' Seri Amirudin bin Shari [Gombak] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan persediaan Kerajaan untuk menjadi Pengerusi ASEAN pada tahun 2025. Apakah perkara-perkara utama yang ingin dicapai dalam tempoh Malaysia menjadi Pengerusi ASEAN.

4. PR-1532-L25361
Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [Permatang Pauh] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :
 - (a) berapa jumlah kes penipuan umrah dan haji sejak 2019-2024 ; dan
 - (b) apakah tindakan yang dikenakan kepada agensi pengendali umrah yang telah menipu para jemaah yang telah membayar.
5. PR-1532-L25355
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pendapatan daripada wang pembayaran kemasukan (yuran pendaftaran) yang telah diterima untuk Peperiksaan Sijil Amalan Guaman (CLP) dan berapakah jumlah kos pentadbiran yang telah dibelanjakan untuk CLP sejak tahun 1984 sehingga kini. Mohon kemukakan butiran dan angka yang terperinci.
6. PR-1532-L25255
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini projek pembangunan semula kawasan di Kampung Sungai Baru Kuala Lumpur serta tindakan yang diambil terhadap pemaju projek.
7. PR-1532-L24382
Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan penilaian terkini tentang keberkesanan kursus keusahawanan digital yang diperkenalkan di Pusat Ekonomi Digital (PEDi) di Sarawak, dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan aksesibiliti dan kualiti kursus keusahawanan digital dapat ditingkatkan.
8. PR-1532-L25082
Tuan Zulkifli bin Ismail [Jasin] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah gejala sosial yang semakin meningkat di dalam negara terutamanya dalam kalangan remaja.
9. PR-1532-L25636
Tuan Lee Chean Chung [Petaling Jaya] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan bagaimana MOSTI berperanan dalam membantu negara berkenaan keselamatan dan keterjaminan makanan, khususnya dari sudut aplikasi teknologi dan inovasi.

10. PR-1532-L25230

Tuan Zahari bin Kechik [Jeli] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah status terkini bagi pelaksanaan semula Program Latihan Khidmat Negara (PLKN).

11. PR-1532-L25670

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi] minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan :

- (a) langkah Kementerian bagi menyokong pembangun permainan (*game developer*) sedia ada di Malaysia terutama sekali pembangun permainan indie; dan
- (b) rancangan Kementerian untuk memupuk lebih ramai pembangun permainan di kalangan rakyat Malaysia.

12. PR-1532-L24795

Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [Jerantut] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apa perancangan Kerajaan dalam meningkatkan keberkesanan pelan sandaran sekiranya berlaku kecemasan seperti kereta api terkandas dan berhenti sebelum stesen sepertimana yang berlaku di ETS EP 9176 KL-Butterworth pada bulan Ramadan tahun ini.

13. PR-1532-L25349

Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan tindakan dan perancangan yang telah dibuat oleh Kementerian dalam menaik taraf perkhidmatan internet di kawasan luar bandar khususnya di kawasan pesisir rumah panjang di seluruh kawasan Parlimen Igan. Nyatakan secara terperinci status terkini projek-projek yang telah dan akan dilaksanakan di bawah Projek Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA).

14. PR-1532-L25430

Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [Bagan Serai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan maklumat terkini berkenaan pembangunan tanah wakaf di Malaysia memandangkan ia telah menerima peruntukan sehingga RM500 juta seperti yang diumumkan di dalam Belanjawan 2024.

15. PR-1532-L25626

Tuan Roy Angau anak Gingkoi [Lubok Antu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini pembinaan jambatan di Lubok Subong, Nanga Kesit dan bilakah ianya dijangka akan siap dibina.

16. PR-1532-L24739
Dato' Khilir bin Mohd Nor [Ketereh] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Kementerian dalam menentukan semua pesara tentera yang rata-rata berumur akhir 30an dan awal 40an diberi kerjaya kedua.
17. PR-1532-L25924
Tuan Chong Zhemin [Kampar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian akan membuat garis panduan baru untuk membenarkan kenderaan mikromobiliti digunakan di jalan kampung-kampung dan taman perumahan.
18. PR-1532-L25125
Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan usaha Kerajaan untuk menggalakkan pembangunan teknologi kecerdasan buatan tempatan bagi melindungi kedaulatan negara dan mengurangkan kebergantungan negara asing.
19. PR-1532-L25436
Puan Young Syefura binti Othman [Bentong] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk membantu perkampungan Orang Asli mendapat kemudahan internet yang akan membantu aspek pendidikan dan juga membantu mereka menceburi perniagaan atas talian.
20. PR-1532-L25262
Tuan Hassan bin Saad [Baling] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan bagi meningkatkan jumlah aset Angkatan Pertahanan Awam khususnya daerah Baling untuk menambah baik operasi ketika berlakunya kemalangan atau bencana.
21. PR-1532-L25385
Puan Rodiyah binti Sapiee [Batang Sadong] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan kesiapan Malaysia dalam Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence) dan apakah status pelaksanaan Pelan Halatuju AI Kebangsaan 2021-2025.

22. PR-1532-L25183

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan statistik permohonan dan kelulusan peserta di bawah program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) bagi tempoh tahun 2023. Apakah usaha penambahbaikan Kerajaan terhadap program MM2H termasuk implikasi kelonggaran syarat program terbabit seperti tapisan keselamatan yang dijalankan terhadap peserta yang memohon program tersebut.

23. PR-1532-L25646

Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [Jempol] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah tindakan Kementerian terhadap penyedia perkhidmatan jalur lebar di kawasan luar bandar yang masih mempunyai liputan internet yang terlalu perlahan sedangkan SKMM telah menetapkan Standard Mandatori Kualiti Perkhidmatan (MSQoS) dengan purata kelajuan muat turun mestilah tidak kurang daripada 7.7Mbps.

24. PR-1532-L25257

Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan sejauh manakah pemantauan Kementerian terhadap peningkatan harga bahan mentah pembinaan seperti pasir dan simen dan sejauh manakah kenaikan ini memberi kesan langsung kepada sektor pembinaan negara.

25. PR-1532-L25844

Puan Rodziah binti Ismail [Ampang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan pelan tindakan yang dirangka demi membanteras kegiatan pencatutan oleh peniaga untuk mengaut keuntungan melampau ekoran reformasi subsidi diesel, dijangka dilaksanakan di Semenanjung Malaysia tahun ini dan kemungkinan penjimatan dianggarkan sebanyak RM4 bilion digunakan untuk pemantauan dan penguatkuasaan serta pemerkasaan pengguna.

26. PR-1532-L25220

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah tapisan keselamatan yang lebih ketat terhadap pemohon program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) selain mewajibkan pemohon mengemukakan Sijil Berkelakuan Baik (CoGC).

27. PR-1532-L25554

Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kerugian yang ditanggung akibat kemalangan jalan raya setiap tahun bagi tahun 2010 hingga 2023 dan nyatakan langkah-langkah efektif yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah itu.

28. PR-1532-L25133

Tuan Nurul Amin bin Hamid [Padang Terap] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan usaha Kementerian untuk membanteras kes penjualan diesel haram termasuk di Sabah dan Sarawak seiring dengan langkah penyasaran subsidi.

29. PR-1532-L25855

Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [Segamat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan mempertimbangkan untuk menghapuskan hukuman mati mandatori untuk semua jenayah:

- (a) berapa banyak kes kematian dalam tahanan pada tahun 2023 dan kes atas sabitan kesalahan membunuh atau menyebabkan kematian tanpa niat (*manslaughter*); dan
- (b) adakah Kerajaan akan menubuhkan suruhanjaya untuk membuka semula siasatan terhadap semua kematian mencurigakan yang dipercayai disebabkan oleh pihak penguatkuasa.

30. PR-1532-L25367

Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [Permatang Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) perincian lawatan rasmi dan tidak rasmi Perdana Menteri ke luar negara bermula 2022 sehingga terkini ; dan
- (b) berapa pelaburan yang berjaya dibawa masuk ke Malaysia hasil setiap lawatan tersebut.

31. PR-1532-L25966

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kadar perkahwinan mengikut kaum di Malaysia dari tahun 2013 hingga 2023. Nyatakan penyelesaian kepada penurunan kadar perkahwinan.

32. PR-1532-L25595

Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (Bersara) [Lumut] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :

- (a) apakah impak kepada kesiapsiagaan Cawangan Udara TLDM termasuk ketersediaan anggota ekor insiden nahas membabitkan 2 helikopter milik TLDM; dan
- (b) apakah perancangan Kementerian bagi penggantian helikopter yg telah berusia lebih 20 tahun.

33. PR-1532-L25819

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan insentif-insentif baru untuk menaik taraf kemudahan pelancongan khususnya dalam Parlimen Hulu Langat dan apakah metode pihak Kementerian dalam mempromosikannya.

34. PR-1532-L25170

Dato' Sri Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan komitmen dan inisiatif Kerajaan dengan kerjasama NGO dan masyarakat sivil untuk terus memanfaatkan kedudukannya melalui forum antarabangsa bagi mendesak serta memastikan penyelesaian komprehensif di Palestin serta langkah proaktif dalam usaha menangani krisis kemanusiaan termasuk penyaluran bantuan kemanusiaan.

35. PR-1532-L25865

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah struktur dan matlamat sebenar penubuhan KL Strike Force dan bagaimanakah sasaran penyelesaian isu berkaitan pendatang asing dapat diselesaikan sepenuhnya.

36. PR-1532-L24838

Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [Merbok] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pencapaian dan keberkesanan Program 2 Years Exit Programme (2YEP) iaitu satu pendekatan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi membantu penerima bantuan kebajikan supaya hidup berdikari, tidak bergantung kepada bantuan selama-lamanya serta memperkasakan mereka ke arah pembangunan modal insan.

37. PR-1532-L24952

Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [Kalabakan] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah dalam memastikan penarikan subsidi diesel di Semenanjung Malaysia tidak memberi kesan domino kepada kenaikan harga barangan di Sabah dengan alasan kos logistik dan pengangkutan barangan dari Semenanjung yang semakin meningkat disebabkan tindakan ini.

38. PR-1532-L24598

Tuan Haji Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kementerian bersedia menggalakkan kepada syarikat-syarikat penerbangan di Malaysia seperti MAS, Air Asia dan sebagainya membuat pengumuman waktu solat dan arah kiblat apabila berada di udara serta menyediakan satu ruangan khusus untuk solat terutama untuk penerbangan jarak jauh.

39. PR-1532-L25407

Datuk Wetrom bin Bahanda [Kota Marudu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini perancangan pihak Kementerian melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) berkenaan Pusat Pemindahan Sementara yang lebih luas di daerah Kota Marudu bagi menempatkan mangsa-mangsa yang terlibat dalam situasi bencana seperti banjir yang berlaku hampir saban tahun.

40. PR-1532-L25585

Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :

- (a) apakah ada perancangan jangka masa singkat dan jangka masa panjang Kementerian untuk membangunkan infrastruktur pelancongan di Wilayah Persekutuan Labuan sekaligus yang dapat meningkatkan pendapatan dan ekonomi penduduk ; dan
- (b) apakah ada perancangan pihak Kementerian untuk membangunkan Water Theme Park di Labuan bagi maksud menarik pelancong datang ke Labuan.

41. PR-1532-L25559

Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tempoh masa saman trafik sah dan berkuatkuasa setelah saman dikeluarkan dan cara pihak berkuasa maklum kepada pesalah kerana ramai pesalah masih menerima saman setelah beberapa tahun selepas saman dikeluarkan dan kenderaan berkaitan saman tersebut telah dijual.

42. PR-1532-L25654

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :

- (a) perkembangan terkini program Inisiatif Payung Rahmah seperti Menu Rahmah dan Jualan Rahmah; dan
- (b) jumlah peniaga yang menyertai program Menu Rahmah sejak mula dilaksanakan dan jumlah peniaga yang menghentikan jualan Menu Rahmah kerana tidak mampu bertahan dengan kos perniagaan.

43. PR-1532-L25824

Tuan Riduan bin Rubin [Tenom] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana komitmen Kerajaan untuk memenuhi perkara berhubung tuntutan hak pemberian 40 peratus kepada Wilayah Sabah seperti mana yang terkandung di dalam Perjanjian Malaysia 1963 dan Perkara 112 (c) Perlembagaan Malaysia serta bilakah ianya akan dilaksanakan.

44. PR-1532-L25596

Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (Bersara) [Lumut] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :

- (a) berapa jumlah sebenar anggota tentera yang menamatkan perkhidmatan setiap tahun dan berapa orang daripada jumlah tersebut dapat mengikuti latihan di PERHEBAT; dan
- (b) apakah langkah kementerian untuk memperkasakan perkara ini.

45. PR-1532-L24419

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah kena pada tempatnya bagi Ketua Pengarah SPRM yang merupakan hanya sebagai ketua sebuah agensi penyiasatan dan bukannya seorang Peguam Negara atau Pendakwa Raya menyatakan bahawa tiada salah suami seorang Menteri menerima tender sebuah Kerajaan Negeri. Tidakkah itu telah melangkaui bidang kuasanya.

46. PR-1532-L25578

Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan mengapa kualiti perkhidmatan internet dan WIFI yang disediakan oleh TM UNIFI di Wilayah Persekutuan Labuan sering kali terganggu, tidak stabil dan kualiti kepantasan serta kelajuan internet yang sangat teruk.

47. PR-1532-L25742

Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kerajaan untuk mengkaji semula persempadanan kawasan Parlimen dengan mengambil kira faktor-faktor seperti kesulitan atau kesukaran perhubungan, pengangkutan, keluasan kawasan, demografi dan sebagainya.

48. PR-1532-L24592

Tuan Haji Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :

- (a) adakah Kerajaan bercadang menyelaras harga untuk membuat lesen kenderaan memandangkan harga berlainan di setiap institut memandu; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang menambah unsur-unsur agama dan kerohanian seperti doa sebelum memulakan perjalanan di dalam silibus Kokurikulum Pendidikan Pemandu (KPP).

49. PR-1532-L25674

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang:

- (a) menambah baik mekanisme pelantikan ahli Suruhanjaya Pilihan Raya bagi memastikan pelantikan tersebut dapat melalui proses yang lebih telus; dan
- (b) meminda Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5) bagi memastikan keberkesanan Akta tersebut dalam mencegah perbuatan rasuah pilihan raya.

50. PR-1532-L24658

Tuan Wan Razali bin Wan Nor [Kuantan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kenderaan jenis diesel persendirian milik individu yang berdaftar sehingga Mei 2024 dengan pecahan mengikut negeri.

51. PR-1532-L25384

Puan Rodiyah binti Sapiee [Batang Sadong] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan mengapa penerimaan isyarat telekomunikasi di kawasan Parlimen Batang Sadong amat lemah dan kerap tidak stabil. Apakah tindakan yang telah diambil untuk mempercepatkan dan mendorong penyedia telekomunikasi atau "Telco Provider" memasang pemancar di kawasan pedalaman Sarawak.

52. PR-1532-L24909

Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawli [Tumpat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah kajian dan statistik mengikut jantina, demografi dan umur pelaku Akta Anti-Menghendap dan Akta Gangguan Seksual sejak 10 tahun lalu dan apakah faktor kes ini meningkat.

53. PR-1532-L25647

Tuan Lee Chean Chung [Petaling Jaya] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian bagi mewajibkan penguatkuasaan had laju 30km/j di kawasan sekolah bagi memenuhi asas keperluan untuk kanak-kanak dan apakah usaha-usaha yang dijalankan bagi mempromosikan penggunaan mod pengangkutan aktif seperti berjalan kaki, berbasikal dan untuk golongan orang kurang upaya (OKU).

54. PR-1532-L25143

Dato' Sri Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian Kerajaan berhubung cadangan menyemak semula '*two-state solutions*' atau penyelesaian dua negara bagi mempertahankan kedaulatan rakyat Palestin di Gaza.

55. PR-1532-L25866

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah komponen 2.63% projek ROLKL yang masih belum disiapkan sebagaimana yang dipaparkan dalam laman web JWP. Adakah JWP bercadang untuk menjenamakan semula ROLKL supaya senang dibezakan fasa ROL mana yang diselenggara oleh JWP.

56. PR-1532-L24667

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) senarai entiti yang berkaitan dengan pengurusan integriti atau yang ditubuhkan bertujuan untuk menangani rasuah di setiap peringkat pentadbiran dan nyatakan fungsi khusus setiap entiti tersebut ; dan
- (b) kos yang diperuntukkan oleh Kerajaan untuk setiap entiti tersebut menjalankan fungsinya.

57. PR-1532-L25619

Tuan Roy Angau anak Gingkoi [Lubok Antu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Akta Kebebasan Maklumat akan dapat meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam menangani kelemahan sedia ada, pada masa yang sama memastikan akses maklumat yang lebih efisien tanpa mengancam keselamatan awam dan negara.

58. PR-1532-L25394

Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [Hulu Selangor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha dan tindakan yang dilakukan bagi menyelesaikan masalah buruh yang tidak mencukupi di kawasan-kawasan FELDA seluruh Malaysia.

59. PR-1532-L25372

Tuan Chow Yu Hui [Raub] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesediaan Kerajaan untuk melaksanakan reformasi lantikan ahli-ahli dan pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) di mana satu Jawatankuasa Tetap Pilihan Hal Ehwal Pilihan Raya ditubuhkan, diberikan kuasa untuk menyemak, dan mengadakan pendengaran dalam proses lantikan memandangkan SPR mempunyai dua kekosongan termasuk Pengerusi SPR.

60. PR-1532-L24578

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan insentif Kerajaan bagi menggalakkan pemandu kenderaan persendirian dan kenderaan berat seperti bas dan lori untuk memasang kamera *dashcam* pada kenderaan.

61. PR-1532-L25354

Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) apakah langkah-langkah yang bakal diambil sekiranya terdapat aduan terhadap seseorang Timbalan Pendakwa Raya; dan
- (b) apakah terdapat sebarang tatacara dalam mengendalikan surat representasi yang dikemukakan oleh pihak peguam.

62. PR-1532-L25837

Tuan Riduan bin Rubin [Tenom] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengadakan rundingan dengan Kerajaan Australia untuk memberikan pampasan kepada waris keluarga mangsa nahas pesawat Double Six yang berlaku pada 1976 sehingga meragut nyawa Ketua Menteri Sabah ketika itu iaitu Tun Fuad Stephens.

63. PR-1532-L25902
Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan Kerajaan untuk memisahkan peranan Pendakwa Raya daripada Peguam Negara.
64. PR-1532-L25954
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kriteria pelantikan majistret dan bagaimana Kerajaan menangani ketidakselarasan hukuman yang dijatuhkan oleh majistret dalam kes-kes jenayah yang sama. Apakah Kerajaan akan menambahkan bilangan majistret di seluruh negara.
65. PR-1532-L24969
Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya [Pokok Sena] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah yang lebih tegas untuk membendung kes-kes kemalangan melibatkan pemandu di bawah pengaruh alkohol yang berterusan berlaku sehingga mengorbankan nyawa pengguna jalan raya yang lain.
66. PR-1532-L25787
Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan jumlah lawatan kerja rasmi ke luar negara, jumlah perbelanjaan yang telah digunakan, bentuk program ketika lawatan-lawatan ini dan impak program kepada peranan Kementerian ini sepanjang tempoh enam (6) bulan sejak penubuhan dan sejak menjawat jawatan Menteri di Kementerian Digital.
67. PR-1532-L25688
Datuk Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan status pembinaan dan pemasangan 31 sistem komunikasi di Parlimen Saratok dan beberapa menara komunikasi tersebut telah beroperasi sepenuhnya.
68. PR-1532-L25727
Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [Jempol] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah mekanisme yang akan digunakan oleh pihak Kerajaan bagi melaksanakan gaji baharu untuk penjawat awam berdasarkan penilaian prestasi kerja dan apakah langkah yang akan dibuat bagi memastikan hanya mereka yang layak dan menunjukkan prestasi cemerlang sahaja menerima faedah tersebut.

69. PR-1532-L25399

Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [Hulu Selangor] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengawal harga haiwan ibadah korban yang harganya saban tahun semakin meningkat sehingga mencecah RM900 untuk 1 bahagian haiwan ibadah korban.

70. PR-1532-L25415

Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Kuala Pilah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) statistik bilangan calon jemaah Haji yang mendapat tawaran dan statistik bilangan calon jemaah Haji yang menolak tawaran pada tahun 2024; dan
- (b) apakah usaha Kerajaan bagi menangani masalah penolakan tawaran calon jemaah Haji ini dan sebab mereka utama mereka menolak tawaran tersebut.

71. PR-1532-L24786

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :

- (a) mengapa harga / kos untuk membuat lesen memandu motosikal / kereta / lori / kenderaan berat, berbeza beza mengikut negeri di negara ini; dan
- (b) mengapa ianya berlaku dan apakah Kerajaan tidak berhasrat untuk menyelaraskan dan menetapkan harga / kos di setiap negeri.

72. PR-1532-L25842

Puan Rodziah binti Ismail [Ampang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan dan persediaan menggubal RUU Psikologi memandangkan kes-kes bagi pelbagai isu kesihatan mental dijangka meningkat 10% menjelang 2025 selepas pembentangan RUU Keupayaan Mental di Parlimen, dijangka berlaku hujung tahun 2024 untuk mengatasi kekurangan Akta 615: Akta Kesihatan Mental 2001.

73. PR-1532-L24691

Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status kemajuan projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) khususnya bagi negeri Kelantan dan apakah pelan perancangan untuk memastikan impak positif projek ini memberi limpahan ekonomi kepada penduduk setempat apabila ianya mula beroperasi kelak.

74. PR-1532-L25693

Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan bagaimana Rang Undang-Undang Akta Perlindungan Data Omnibus yang dicadangkan akan memproses data pengguna dengan selamat dan sah, dan bagaimana ia akan memastikan maklumat individu akan dilindungi melalui pangkalan data dalam talian Kerajaan seperti PADU.

75. PR-1532-L25781

Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib [Parit] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan perancangan Kementerian secara terperinci untuk mempertingkatkan lagi industri batik di Malaysia.

76. PR-1532-L25798

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan rancangan menggunakan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence) di negara kita. Apakah status kegunaan Artificial Intelligence di negara kita masa kini.

77. PR-1532-L25084

Tuan Zulkifli bin Ismail [Jasin] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan tindakan yang telah dilaksanakan Kementerian bagi menangani kenaikan berterusan harga barang keperluan yang begitu membebankan kehidupan rakyat.

78. PR-1532-L25371

Tuan Chow Yu Hui [Raub] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan agenda reformasi dalam pengasingan kuasa antara Peguam Negara dan Pendakwa Raya, dan menjelaskan kesulitan jikalau ada. Berikan satu garis masa yang perinci bersama pelan pelaksanaannya dan sama ada agenda reformasi ini akan dilaksanakan sebelum Parlimen Ke-15 tamat.

79. PR-1532-L25783

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan pendirian Kerajaan berhubung perkongsian keselamatan melibatkan Australia, United Kingdom dan Amerika Syarikat menerusi AUKUS bagi memastikan keamanan pertahanan negara dan rantau ini berdasarkan prinsip Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN).

80. PR-1532-L25429

Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [Bagan Serai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) bilangan kes rayuan yang difailkan sejak tahun 2012 di Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan; dan
- (b) daripada jumlah kes rayuan tersebut, nyatakan bilangan kes yang masih dalam status pengurusan kes disebabkan alasan penghakiman atau nota keterangan belum disediakan oleh pihak pengurusan mahkamah.

81. PR-1532-L25650

Tuan Jimmy Puah Wee Tse [Tebrau] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk atasi atau membendung para peniaga daripada mengambil kesempatan menaikkan harga barang selepas Kementerian melaksanakan program penyasaran subsidi diesel memandangkan mereka juga dibekalkan dengan Fleet Card.

82. PR-1532-L25182

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah inisiatif terkini dan kolaborasi strategik baharu dengan Kerajaan negeri serta penggiat pelancongan bagi menjayakan program dan inisiatif di bawah Tahun Melawat Malaysia 2026.

83. PR-1532-L24735

Dato' Khilir bin Mohd Nor [Ketereh] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah status terkini Pelarasan Pencen Hilang Upaya ke atas anggota veteran yang cedera semasa bertugas terutama semasa operasi menentang pengganas komunis di zaman darurat sebagaimana yang dijanjikan oleh MENHAN semasa Mesyuarat Pertama Parlimen tahun ini.

84. PR-1532-L25655

Tuan Jimmy Puah Wee Tse [Tebrau] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan baru-baru ini KLIA mendapat ranking 71 di dunia dalam perbandingan perkhidmatan lapangan terbang. Mohon Kerajaan menjelaskan apakah punca, masalah ranking tersebut begitu rendah dan apakah langkah yang akan diambil untuk meningkatkan lagi ranking KLIA pada masa akan datang.

85. PR-1532-L24660

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan Kerajaan bagi menambah baik fungsi dan proses kerja Jawatankuasa Pilihan Khas dan Kumpulan Rentas Parti supaya setiap Kementerian tertakluk kepada sistem kawal selia yang lebih seimbang.

86. PR-1532-L25033

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [Langkawi] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah bentuk bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri bagi merealisasikan program Tahun Melawat Kedah 2025 dan Tahun Melawat Malaysia 2026 khususnya bagi Pulau Langkawi.

87. PR-1532-L25373

Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Mohd. Yassin [Pagoh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perincian berhubung mekanisme kenaikan gaji penjawat awam termasuk kajian kebolehlaksanaan yang telah dijalankan serta sumber tambahan yang dianggarkan mencecah RM10 bilion bagi tujuan menampung unjuran peningkatan belanja mengurus.

88. PR-1532-L25234

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan untuk melaksanakan kod tatakelakuan dalam kalangan pentadbiran Kerajaan terutamanya menteri-menteri bagi mengelakkan salahlaku kronisme atau nepotisme.

89. PR-1532-L24810

Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [Jerantut] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perincian mengenai sistem 'Demand-Responsive Transit' (DRT) bagi penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam dan mobiliti termasuk kaedah tender yang terlibat.

90. PR-1532-L25376

Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Mohd. Yassin [Pagoh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini janji untuk melaksanakan reformasi institusi berhubung:

- (a) pengasingan fungsi Peguam Negara dengan Pendakwa Raya termasuk kajian empirikal yang dijalankan berbanding negara-negara lain seperti Kanada, United Kingdom dan Australia; dan
- (b) syor meletakkan SPRM di bawah kelolaan Parlimen, selain penambahbaikan proses pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM agar ia diteliti Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (JPKP).

91. PR-1532-L24934
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah untuk menyelesaikan pertelingkahan kes pengislaman satu pihak *unilateral* terutamanya yang mendorong konflik kekeluargaan yang berpanjangan.
92. PR-1532-L25996
Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [Keningau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan MADANI bercadang memansuhkan Akta Pembangunan Petroleum (Petroleum Development Act) 1974 dan mengembalikan hak milik minyak dan gas kepada negeri-negeri pengeluar minyak iaitu Sabah, Sarawak, Terengganu dan Kelantan.
93. PR-1532-L25144
Dato' Verdon bin Bahanda [Kudat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan di Parlimen Kudat sepanjang tahun 2023 dan perincian senarai projek kecil yang telah dilaksana di Parlimen Kudat pada tahun 2023.
94. PR-1532-L25150
Datuk Jonathan Yasin [Ranau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah jualan hasil petroleum yang diperolehi oleh Kerajaan Persekutuan dan Petronas dari hasil minyak bumi atau lautan Sabah setiap tahun bermula dari tahun 1976 hingga kini.
95. PR-1532-L24993
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bahawa daripada RM6.5 bilion peruntukan pembangunan untuk Sabah dalam Bajet 2023, berapa jumlah pembangunan yang telah dilaksanakan dan berapa bilangan baki yang belum dilaksanakan. Berikan juga bilangan projek yang bernilai sehingga RM50 juta yang telah dilaksanakan.
96. PR-1532-L25759
Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan dari sumber manakah Kerajaan akan memperoleh wang bagi membiayai projek LRT Pulau Pinang berjumlah RM10.5 bilion sepertimana yang diumumkan baru-baru ini dan bilakah projek berkenaan akan dilaksanakan.

97. PR-1532-L25111

Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar [Kemaman] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan perancangan terkini yang dibuat oleh pihak Kementerian dalam menghasilkan hidrogen hijau sebagai sumber tenaga baharu di Malaysia.

98. PR-1532-L25684

Tuan Zakri bin Hassan [Kangar] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan cadangan adakah Kementerian bersedia untuk memajukan tapak di Dataran Lok 9, Kuala Perlis sebagai satu tapak untuk acara-acara di negeri Perlis.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. Menteri Digital

- * Rang Undang-Undang Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**1. Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan mencadangkan :**

"Menyedari bahawa Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) telah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 4 Julai 2024 seperti berikut:

- i. LKAN 2/2024 mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan, yang melaporkan 9 aktiviti melibatkan 11 kementerian di peringkat Persekutuan; dan
- ii. LKAN 2/2024 mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan yang mengandungi hasil pengauditan terhadap 8 syarikat.

Memahami bahawa LKAN membangkitkan isu-isu ketakteraturan serius yang berlaku dalam perakaunan atau penjagaan wang awam atau simpanan awam serta pengurusan aktiviti Kerajaan dan syarikat Kerajaan yang memerlukan tindakan berkesan daripada kementerian, jabatan, agensi dan syarikat Kerajaan yang diaudit.

Memperakui bahawa pentingnya reformasi tatakelola bagi menangani pembaziran wang awam dan ketirisan serta memastikan perkhidmatan Kerajaan benar-benar membantu rakyat. Kerajaan memandang serius isu yang dibangkitkan dalam LKAN, dan seterusnya mengambil tindakan penambahbaikan dan pencegahan bagi mengelakkan kelemahan yang sama dibangkitkan semula pada masa hadapan.

Bahawa LKAN wajar dibahaskan secara terperinci di Dewan Rakyat supaya perhatian dan pengamatan yang mendalam oleh semua pihak dapat diberikan bagi mendukung hasrat Kerajaan mewujudkan tadbir urus sektor awam yang lebih baik selain penelitian hanya di peringkat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC). Ia sekaligus dapat memberikan isyarat jelas kepada keseluruhan jentera pentadbiran Kerajaan akan kesungguhan untuk memerangi kecurangan dan salah laku serta memartabatkan tatakelola yang unggul seperti yang disarankan oleh YAB Perdana Menteri. Usaha murni ini juga seiring dengan inisiatif mentransformasikan Dewan Rakyat yang berperanan untuk 'semak dan imbang' kuasa eksekutif."

Menyambung semula Perbahasan atas masalah [9 Julai 2024]

- | | | | | | |
|----|-----------------|---------------------------------------|-------|-----------|-----------------------------------|
| 2. | (D.R.23/2024) | Rang Undang-Undang
(Pindaan) 2024. | Kanun | Keseksaan | Bacaan Kali
Yang Kedua |
|----|-----------------|---------------------------------------|-------|-----------|-----------------------------------|

[Perdana Menteri]

- | | | | |
|-----|-----------------|---|-------------------------------|
| 3. | (D.R.24/2024) | Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2024. | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 4. | (D.R.25/2024) | Rang Undang-Undang Keterangan Saksi Kanak-Kanak (Pindaan) 2024. | “ |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 5. | (D.R.28/2024) | Rang Undang-Undang Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak (Pindaan) 2024. | “ |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 6. | (D.R.26/2024) | Rang Undang-Undang Keterangan (Pindaan) 2024. | “ |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 7. | (D.R.27/2024) | Rang Undang-Undang Sumpah dan Ikrar (Pindaan) 2024. | “ |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 8. | (D.R.30/2024) | Rang Undang-Undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (Pindaan) 2024. | “ |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 9. | (D.R.29/2024) | Rang Undang-Undang Angkatan Tentera (Pindaan) 2024. | “ |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 10. | (D.R.22/2024) | Rang Undang-Undang Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024. | “ |
| | | [Menteri Dalam Negeri] | |

11. (D.R.13/2024) Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah "Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (27 Mac 2024)**

[Menteri Dalam Negeri]

12. (D.R.17/2024) Rang Undang-Undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah "Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (9 Julai 2024)**

[Menteri Dalam Negeri]

13. (D.R.19/2024) Rang Undang-Undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024. **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

14. (D.R.18/2024) Rang Undang-Undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024. “

[Perdana Menteri]

15. (D.R.20/2024) Rang Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024. “

[Perdana Menteri]

16. PR-1532-U(27)328

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa cukai barang dan perkhidmatan (GST) untuk diperkenalkan semula bagi menjana kembali pendapatan negara dengan lebih baik dengan melaksanakan beberapa penambahbaikan terhadap mekanisme GST itu sendiri.

Kerajaan boleh mempertimbangkan kadar GST yang lebih rendah iaitu daripada 6 peratus kepada 4 peratus yang dilihat lebih munasabah serta tidak membebankan pengguna dan pembayar cukai. Manakala pelaksanaan serta pematuhannya perlu dipermudah dengan kesan minima kepada perniagaan seperti penambahbaikan mekanisme pembayaran semula cukai dapat disegerakan dalam tempoh 14 hari dan Kerajaan perlu melantik auditor bebas dari pihak swasta untuk menyemak rekod bagi memastikan tiada sebarang pelanggaran cukai berlaku.

Sistem percukaian GST yang pernah dilaksanakan negara sebelum ini adalah sistem cukai yang lebih baik berbanding pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan lambakan cukai yang akan dilaksanakan pada tahun ini, dan seharusnya Kerajaan perlu segera mengambil iktibar dari kesan pemansuhan GST pada 2018 yang telah membebankan rakyat sehingga hari ini.

Malah, dengan pengenalan semula GST ini, maka tidak perlu lagi dilaksanakan sistem e-Invois yang hanya akan menghuru-harakan para peniaga kecil dan sederhana."

[Menteri Kewangan]

17. PR-1532-U(27)329

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengeluarkan gula daripada diwartakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dalam usaha mengurangkan penyakit diabetes dalam kalangan rakyat Malaysia berbanding langkah Kerajaan memperkenalkan sistem penggredan untuk kandungan gula.

Harga gula di Malaysia kini kekal rendah dan di bawah harga siling adalah disebabkan pemberian insentif oleh Kerajaan sebanyak RM42 juta sebulan kepada semua pengilang gula di negara ini mulai November 2023 dan telah menyebabkan harga gula di Malaysia, yang bukan negara pengeluar gula, antara yang terendah di dunia.

Malah, Malaysia kini juga mempunyai kadar diabetes tertinggi di rantau Pasifik Barat dan antara tertinggi di dunia. Dan, dijangka tujuh juta individu berumur 18 tahun ke atas di Malaysia berpotensi menghidap penyakit kencing manis atau pra-diabetes menjelang tahun 2025.

Kerajaan perlu bertindak sebagaimana yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional (BN) pada 2013, yang memansuhkan subsidi gula dan kerajaan Pakatan Harapan (PH) pada tahun 2019 yang mengenakan cukai ke atas minuman bergula yang secara tidak langsung akan dapat membendung krisis penyakit tidak berjangkit (NCD) di Malaysia dan mampu mengurangkan kos perubatan negara."

[Menteri Kewangan]

18. PR-1532-U(27)330

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk meningkat dan memperketatkan kawalan keselamatan serta ketenteraman negara pada tahap tertinggi terutama di lokasi-lokasi sensitif, premis kerajaan, tempat-tempat tumpuan awam dan fasiliti berkepentingan.

Kesemua peringkat kepimpinan pasukan keselamatan negara serta petugas di lapangan perlu mengambil langkah-langkah komprehensif semasa menjalankan tugas dengan mematuhi pekeliling dan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang telah dikeluarkan bagi mengelakkan insiden seperti yang berlaku di Balai Polis Ulu Tiram, Johor kembali berulang dan mengorbankan mereka yang tidak bersalah.

Perhatian dan tindakan serius dari Kerajaan perlu segera diambil bagi menangani kegusaran masyarakat umum mengenai tahap keselamatan dan ketenteraman negara."

[Menteri Dalam Negeri]

19. PR-1532-U(27)331

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk memberi komitmen secara menyeluruh dalam usaha mengekalkan 50 peratus litupan hutan di Malaysia susulan laporan "*State of the Malaysian Rainforest*" oleh pemerhati alam sekitar, RimbaWatch mengenai 3.2 juta hektar hutan semula jadi berisiko ditebang manakala sebanyak 2.4 juta hektar berada dalam ancaman hutan balak iaitu kira-kira sebesar saiz gabungan Johor dan Negeri Sembilan.

Koordinasi oleh kementerian yang bertanggungjawab mesti dilaksanakan secara bersepadu dengan bantuan, sokongan dan kerjasama komuniti saintifik, masyarakat tempatan, agensi-agensi kerajaan tempatan, negeri dan persekutuan, serta pembabitan pihak swasta dan korporat. Dan, Malaysia perlu menjadi teladan kepada dunia dalam usaha memerangi krisis kehilangan sumber kepelbagaian biologi dan perubahan iklim."

[Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam]

20. PR-1532-U(27)323

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk mempertimbang dan/atau menarik semula keputusan penjualan sebahagian saham Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) kepada Global Infrastructure Partners (GIP) milik BlackRock Inc."

[Menteri Kewangan]

21. PR-1532-U(27)324

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk menggantikan penggunaan nama Israel kepada Negara Palestin yang diduduki atau *Occupied State of Palestine* bagi merujuk negara haram di bawah Regim Zionis."

[Menteri Luar Negeri]

22. PR-1532-U(27)325

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan laporan kajian menyeluruh untuk memahami punca pelajar tidak menduduki peperiksaan SPM agar tidak terus membarah.

Penerangan ini melibatkan tinjauan, perbincangan kumpulan fokus atau inisiatif penglibatan komuniti untuk mengumpulkan maklumat langsung daripada pelajar yang terjejas dan keluarga mereka.

Seramai 10,160 pelajar yang mendaftar SPM 2023 tidak menduduki peperiksaan tersebut. Daripada 383,685 calon yang baru mendaftar, hanya 373,525 yang hadir dan mengambil sekurang-kurangnya satu mata pelajaran.

Mereka akan menghadapi pilihan pekerjaan yang terhad. Jawatan yang boleh selalunya memerlukan kurang kepakaran dan menawarkan gaji yang lebih rendah, menjadikannya lebih sukar bagi mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang berpendapatan tinggi. Akibatnya, memenuhi keperluan asas seperti perumahan, penjagaan kesihatan dan keperluan boleh menjadi cabaran besar bagi mereka seterusnya membawa kepada insiden kemiskinan pada masa hadapan."

[Menteri Pendidikan]

23. PR-1532-U(27)326

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk mewujudkan dasar keterlibatan yang jelas dan polisi penerimaan makluman bagi memudahkan masyarakat tempatan membuat persediaan awal terhadap kesan limpahan ekonomi melalui pembangunan mega tersebut.

Dasar ini menyokong jalinan libat urus pihak Kerajaan kepada masyarakat setempat bagi meningkatkan kefahaman khusus terhadap potensi limpahan ekonomi untuk setiap lokaliti disamping memberi ruang sokongan peluang pekerjaan kepada bakat tempatan. Pengesahan projek mega seperti contoh Projek Lebuhraya Pan Borneo, MRT dan ECRL sewajarnya diberi maklum secara khusus seperti contoh program kerjasama jalinan bersama penduduk setempat dari sudut manfaat ekonomi sama ada sebelum, semasa dan selepas pembinaan. Dengan keterlibatan yang menyeluruh ini akan memberi ruang persediaan kepada penduduk setempat menjadi sebahagian dari penyumbang dan pemilik pertumbuhan ekonomi lokaliti.

Adalah menjadi harapan, limpahan atau spill over impak projek pembangunan mega dapat dirasai dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat."

[Menteri Ekonomi]

24. PR-1532-U(27)327

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan kertas putih bagaimana strategi untuk mencapai sasaran 300,000 pekerja tambahan yang terdiri dari 60,000 pekerja jurutera mahir tempatan dalam industri semikonduktor dan mengekalkan Malaysia sebagai salah satu pengeksport utama dunia dengan jumlah RM1.2 trillion nilai eksport menjelang 2030.

Walau bagaimanapun, jumlah pelajar dalam bidang kejuruteraan telah menurun sehingga 18% manakala jumlah jurutera juga turut menurun sehingga 30% semenjak 5 tahun kebelakangan ini. Penurunan ini juga memberi impak berganda dengan perpindahan bakat ke luar negara sebanyak 20% kesan dari peluang pekerjaan yang lebih baik.

Oleh yang demikian, terdapat keperluan pihak Kerajaan dan agensi menerangkan pelan tindakan jalinan kerjasama industri dengan pihak institusi pengajian dan memberi justifikasi untuk membenarkan pelajar luar negara dari bidang kejuruteraan di universiti tempatan untuk bekerja di dalam industri semikonduktor di Malaysia sekurang-nya dua atau tiga tahun."

[Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri]

25. PR-1532-U(27)332

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan segera membina Pangkalan di Beting Patinggi Ali. Sehingga kini tiada langkah tegas yang diambil pihak Kerajaan untuk menghalang pencerobohan kapal China di Beting Patinggi Ali yang terletak dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia. Adalah diharapkan pihak Kerajaan dapat merancang dan melaksanakan mekanisme yang lebih efektif untuk menangani masalah ini setelah nota diplomatik yang dihantar pihak Malaysia seperti tidak dihiraukan bagi memastikan Beting Patinggi Ali menjadi hak Malaysia."

[Menteri Pertahanan]

26. PR-1532-U(27)333

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan tembok kekal di sempadan Malaysia - Thailand bagi mengekang kegiatan penyeludupan dan jenayah rentas sempadan di negara ini. Pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia - Thailand perlu agar dapat merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand adalah sangat diperlukan.

Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia - Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

[Menteri Dalam Negeri]

27. PR-1532-U(27)334

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan.

Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Susulan pembangunan Nusantara, ibu negara baharu Indonesia di Kalimantan Timur dan dengan siapnya Lebuh raya Sematan – Telok Melano secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjong Datu. Oleh hal yang demikian, tindakan segera Kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

[Menteri Dalam Negeri]

28. PR-1532-U(27)335

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Menerima hakikat bahawa sumbangan industri Sabah kepada GDP masih lagi dibawah 10%. Dan Menerima hakikat bahawa kemudahan logistik dan utiliti seperti bekalan air dan bekalan elektrik menjadi penghalang utama kepada pelabur untuk datang ke Sabah. Dan menerima hakikat kerajaan telah menubuhkan Taman-Taman Perindustrian sebagai destinasi pelaburan.

Menerima hakikat juga bahawa begitu ramai anak-anak Sabah yang terpaksa berhijrah ke tempat lain seperti Semenanjung untuk mencari pekerjaan. Dan menerima hakikat pada keseluruhannya, Sabah ini adalah jauh ke belakang dalam pembangunan berbanding dengan belia Semenanjung. Ia termasuklah dalam hal-hal pencapaian peperiksaan awam seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Dan mengambil tanggungjawab bahawa kesenjangan di antara Semenanjung dan wilayah Sabah ini perlu ditangani segera untuk memastikan integriti negara kita dan juga memastikan kelangsungan kestabilan politik, maka dewan yang mulia ini ditangguh untuk membahaskan perkara yang sangat penting ini bertujuan memastikan agar kesenjangan pembangunan ini dapat dirapatkan."

[Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri]

29. PR-1532-U(27)336

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Menerima hakikat kos sara hidup meningkat, serta kos bahan api (minyak) pengangkutan menaik. Menerima hakikat kesesakan jalan raya semakin bertambah di Sabah. Dan menerima hakikat juga sistem pengangkutan awam di Sabah masih mahal.

Maka (Tuaran) meminta kerajaan supaya mengadakan pelan tindakan untuk meningkatkan sistem pengangkutan awam yang selamat, efisien, berdaya harap dengan kos yang tidak membebankan di Sabah."

[Menteri Pengangkutan]

30. PR-1532-U(27)337

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Menerima hakikat bahawa hal air di Semenanjung adalah di bawah Suruhanjaya Perkhimatan Air Negara (SPAN), yang menerima peruntukan secara langsung daripada Kerajaan Persekutuan. Menerima hakikat bahawa Sabah tidak menerima peruntukan bekalan air dari Persekutuan dengan alasan bahawa Sabah tidak termasuk dalam SPAN.

Menerima hakikat bahawa "Reserve Margin" bekalan air di Sabah adalah dibawah paras negatif. Dan menerima hakikat purata non revenue water di Sabah adalah atas 60%, dan hal ehwal air ini adalah hal negeri di bawah kelolaan Kerajaan Sabah. Dan menerima hakikat juga bahawa langkah-langkah untuk menurunkan NRW dan meningkatkan kapasiti loji-loji rawatan adalah melalui pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan.

Maka, (Tuaran) mencadangkan Kerajaan Persekutuan mengambil langkah drastik bagi membantu Kerajaan Sabah untuk menangani masalah bekalan air di Sabah secara tuntas dengan memberi peruntukan secara geran yang mencukupi."

[Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]

31. PR-1532-U(27)338

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Menerima hakikat bahawa perkahwinan di antara orang tempatan dengan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang tidak mempunyai dokumen berleluasa di Sabah. Dan menerima hakikat bahawa perkahwinan ini telah menyebabkan kelahiran anak-anak yang tidak mempunyai dokumen yang akhirnya menjadi "stateless".

Menyedari hakikat bahawa golongan "stateless" ini tidak dapat memasuki sistem pendidikan menyebabkan mereka membesar tanpa pendidikan. Menerima hakikat bahawa ini menjadi bebanan kepada rakyat Sabah dan Kerajaan.

Maka (Tuaran) meminta pihak Kerajaan Persekutuan mengadakan pelan tindakan untuk mengatasi masalah ini sehingga mempunyai penyelesaian tuntas."

[Menteri Dalam Negeri]

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)	1. Pembatalan Perizaban Plot Tanah Kolam Takungan Banjir (KTB) Kampung Bohol dan Pembangunan Kawasan Sekeliling 2. Mempercepat Proses Pemberian Bantuan kepada Sekolah	1. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri 2. YB Menteri Pendidikan
YB Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi (Tumpat)	1. Menambah Baik Kemudahan di Klinik Kesihatan Daerah Wakaf Bharu dan Pasir Pekan 2. Penambahbaikan Perkhidmatan Feri di Pengkalan Kubor, Tumpat	1. YB Menteri Kesihatan 2. YB Menteri Kerja Raya

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**